

# Pujian bagi langkah berani Naib Canselor UPM

SAYA mewakili pelajar peringkat PhD ingin menyatakan rasa simpati kepada Naib Canselor, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Ir Mohd Zohaidie Bardaie, berikutan pelbagai prasangka dan andaian buruk berikutan kenyataan beliau UPM akan meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Beliau sepatutnya dipuji kerana mendedahkan perkara sebenar berkaitan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang telah lama dipraktikkan di Institusi Pengajian Tinggi lain.

Langkah berani itu telah disalah tafsir malah IPTA yang setara dan sudah lama menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajian pelbagai mata pelajaran, jelas 'mencuci tangan' dan terlepas daripada kutukan dan kecaman seperti ditanggung oleh beliau.

Malah yang lebih buruk ada kalangan menuduh UPM menjadi 'Prince University of Malaysia.'

Isu bahasa Melayu yang perlu dimartabatkan sebenarnya adalah tanggungjawab bersama semua pihak di negara ini. Rasional penggunaan bahasa Inggeris di universiti telah dijelaskan yakni kesinambungan pengajaran subjek yang berkaitan sains, teknologi dan komunikasi dari alam sekolah.

Sejauh mana ia memberi kesan kepada pelajar khususnya kepada bangsa Melayu dan Bumiputera dapat dilihat apabila pelajar Melayu yang menjawab soalan Matematik dan Sains dalam bahasa Melayu

sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah khususnya di pedalaman, gagal mencapai tahap CGPA yang memuaskan baik dari fakulti sains sosial mahupun fakulti tersohor.

Saya berpendapat kegagalan bahasa Melayu melalui jalan berliku-liku untuk menjadi bahasa ilmu dan bahasa antarabangsa berpunca daripada sikap bangsa sendiri.

Orang yang ada suara dan kuasa tidak tegas dalam isu bahasa apabila bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar subjek matematik dan

sains malah ada kalangan yang mengarahkan universiti mengubah kurikulum agar ia bersifat kontemporari. Sebaliknya arahan itu tidak diwartakan sehinggalah menteri bertukar.

Inilah yang menjadikan bangsa yang dijajah lebih 400 tahun dulu keliru sama ada perlu meneruskan perjuangan bangsa ataupun mengorbankan identiti semata-mata memenuhi tuntutan semasa yang sekali gus akan menjadi seperti "yang dikejar tak dapat dan yang dikendong keciciran."

Ketam akan berjalan sehaluan meskipun dunia sudah mencapai tahap globalisasi. Namun udang mana mungkin menjadi ketam kerana penciptaan berbeza bertujuan agar ia saling mengenali satu sama lain. Justeru, isu bahasa hendaklah ditangani dengan penuh hemah agar ia tidak tercipir dan terpinggir.

**ANJUNG MUNSJI,**  
Kota Bharu, Kelantan.

## SURAT & EMEL

► Pengarang (Harian Pembaca)


Berita Harian Sdn Bhd

31 Jalan Riong

59100 Kuala Lumpur

■ Faks: 03-22822425

■ Emel: [bhsurat@bharian.com.my](mailto:bhsurat@bharian.com.my)



Hanya surat yang disertakan nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon (jika ada) saja akan dilayan.